



**KEBERKESANAN STRATEGI PEMBELAJARAN MASTERI TERHADAP
PENCAPAIAN DAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI PELAJAR DALAM
MATA PELAJARAN PRINSIP PERAKAUNAN**

HEILMANN BIN ZULKIFLI



**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN (PERAKAUNAN)**

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2010





PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya saya jelaskan sumbernya.



Ogos 2010

HEILMANN BIN ZULKIFLI
M20071000181





PENGHARGAAN

Syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan hidayatNya, saya telah dapat melaksanakan penyelidikan ini dengan sempurna. Sepanjang menjalankan penyelidikan ini, saya telah mendapat bantuan dan kerjasama yang tidak ternilai harganya daripada pelbagai pihak. Saya mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka yang berkenaan. Sesungguhnya saya menjadi saksi atas kemuliaan mereka ini.



Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya tujukan kepada penyelia saya, Dr. Rohaila Binti Yusof atas bimbingan dan bantuan beliau sepanjang penyediaan disertasi ini.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua responden kajian. Tanpa kerjasama dan keikhlasan mereka sudah pasti penyelidikan ini tidak dapat disempurnakan.

Akhir sekali, kepada semua yang telah membantu, budi baik dan keikhlasan yang diberikan akan saya kenang sepanjang hayat. Tidak dilupakan juga buat isteri tersayang Eliza Binti Khamis yang turut membantu menyiapkan disertasi ini. Hanya Allah jua yang dapat membalasnya.





ABSTRAK



05

Kajian eksperimen ini telah menguji keberkesanan strategi pembelajaran masteri terhadap pencapaian dan pembangunan kompetensi pelajar. Kompetensi yang dikaji ialah kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja kumpulan dan kemahiran kepimpinan. Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk membandingkan strategi pembelajaran masteri dengan strategi pembelajaran tradisional dalam pendidikan perakaunan, dengan melihat kesan kedua-dua strategi pembelajaran terhadap pencapaian prestasi dan pencapaian kompetensi pelajar. Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini berbentuk kuasi eksperimen yang berlangsung selama lapan minggu dan melibatkan 68 orang pelajar. Data dikutip menggunakan soal selidik dan ujian prestasi. Data dianalisis menggunakan ujian-t dan analisis kovarians (ANCOVA). Dapatan kajian menunjukkan pencapaian prestasi dan pencapaian kompetensi pelajar kumpulan strategi pembelajaran masteri lebih tinggi dan signifikan berbanding dengan pelajar kumpulan strategi pembelajaran tradisional. Secara keseluruhannya, kebanyakan pelajar kumpulan strategi pembelajaran masteri menerima baik pelaksanaan strategi pembelajaran masteri. Implikasi dapatan kajian ini mencadangkan bahawa strategi pembelajaran masteri wajar digunakan sebagai satu strategi pengajaran dan pembelajaran di dalam pendidikan perakaunan bagi meningkatkan pencapaian dan pembangunan kompetensi pelajar.





ABSTRACT

This experimental study was conducted to test the effectiveness of a mastery learning strategy towards students' academic performance achievement and competency development. Competencies of problem solving, communication, leadership and team work are examined. The main purpose of the study was to compare the mastery learning strategy to that of the traditional learning strategy in the teaching and learning of accounting. The effect of these strategies on students' academic performance and competency achievement are examined. The method used in this study was quasi experiment involving 68 students. The duration of the study was eight weeks. The data collected were in the forms of responses to questionnaires and performance test. Data were analyzed using t-test and ANCOVA. The result of the study shows that the students' academic performance and competency achievement of mastery learning strategy group is significantly higher compared to that of the traditional learning strategy group. Over all, most of the students in the mastery learning strategy group have a positive perception towards the implementation of mastery learning strategy. The implication of the study suggests that mastery learning strategy should be used as an instructional strategy in accounting education in order to increase students' academic performance and competency development.





KANDUNGAN

Muka Surat



PENGAKUAN

i

PENGHARGAAN

iii

ABSTRAK

iv

ABSTRACT

v

KANDUNGAN

vi

SENARAI JADUAL

xi

SENARAI RAJAH

xv

BAB I PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

1

1.2 Latar Belakang Kajian

3

1.2.1 Latar Belakang Mata Pelajaran Prinsip Perakauan

5

1.2.2 Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan

6



1.3	Pernyataan Masalah	10
1.4	Tujuan Kajian	13
1.4.1	Objektif Kajian	13
1.4.2	Persoalan Kajian	14
1.5	Kerangka Konseptual Kajian	15
1.6	Kepentingan Kajian	18
1.7	Batasan Kajian	19
1.8	Definisi Operational	21
1.8.1	Pembelajaran Masteri	21
1.8.2	Pembelajaran Tradisional	21
1.8.3	Pencapaian	22
1.8.4	Kompetensi	22
1.8.5	Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan	23
1.9	Rumusan	23

BAB II TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	24
2.2	Teori Pembelajaran Masteri	25
2.3	Perbezaan Pembelajaran Masteri Dari Kaedah Pembelajaran Lain	28
2.4	Komponen Pembelajaran Masteri	29
2.4.1	Falsafah	29
2.4.2	Struktur Kurikulum	29
2.4.3	Model Pengajaran	31
2.4.4	Penilaian Pelajar	33

2.4.5	Kaedah Pengajaran	34
2.5	Strategi pembelajaran Masteri	34
2.6	Kajian Terhadap pembelajaran Masteri	38
2.6.1	Keberkesanan Pembelajaran Masteri	38
2.6.2	Kesan Pembelajaran Masteri Terhadap Pencapaian	44
2.7	Kajian Terhadap Pencapaian	52
2.8	Kajian Terhadap Kompetensi	54
2.9	Teori-Teori Dan Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran	58
2.9.1	Teori Tingkahlaku	59
2.9.2	Teori Kognitif	60
2.9.3	Teori Pemprosesan Maklumat	60
2.10	Rumusan	61
BAB III METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pengenalan	62
3.2	Reka Bentuk Kajian	62
3.3	Tempat Kajian	67
3.4	Sampel Kajian	67
3.5	Instrumen Kajian	70
3.5.1	Set Ujian Soalan Perakaunan	70
3.5.2	Borang Soal Selidik Pencapaian Kompetensi	71
3.5.3	Pemboleh Ubah Kajian	73
3.5.4	Ujian Pra dan Ujian Pos	74
3.5.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	75
3.5.6	Kajian Rintis	77
3.6	Prosedur Kajian	79

3.6.1	Sebelum Kajian	81
3.6.2	Semasa Kajian	81
3.6.3	Selepas Kajian	82
3.7	Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran	84
3.7.1	Ujian Diagnosis	84
3.7.2	Langkah Susulan	88
3.7.2.1	Langkah Pemulihan	89
3.7.2.2	Langkah Pengayaan	90
3.7.3	Ujian Ulangan	90
3.8	Analisis Data Statistik	90
3.8.1	Analisis Deskriptif	91
3.8.2	Analisis Inferensi	91
3.8.2.1	Ujian- t	92
3.8.2.2	Analisis Kovarians (ANCOVA)	94
3.9	Ketepatan Rawatan	95
3.10	Rumusan	97
BAB IV DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan	98
4.2	Profil Responden Kajian	98
4.3	Dapatan Kajian	107
4.3.1	Apakah Pencapaian Ujian Pra bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	107
4.3.2	Apakah Pencapaian Ujian Pos bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	107
4.3.3	Apakah Pencapaian Skor Pra Pembangunan Kompetensi Pelajar	

	bagi Kedua-dua Kumpulan Strategi Pembelajaran Masteri dan Strategi Pembelajaran Tradisional	108
4.3.4	Apakah Pencapaian Skor Pos Pembangunan Kompetensi Pelajar bagi Kedua-dua Kumpulan Strategi Pembelajaran Masteri dan Strategi Pembelajaran Tradisional	109
4.3.5	Adakah Terdapat Perbezaan Skor Pra pembangunan Kompetensi di Antara Kumpulan Strategi Pembelajaran Masteri berbanding Kumpulan Strategi Pembelajaran Tradisional	111
4.3.6	Adakah Terdapat Perbezaan Skor Ujian Pra Pencapaian di Antara Kumpulan Strategi Pembelajaran Masteri berbanding Kumpulan Strategi Pembelajaran Tradisional	114
4.3.7	Adakah Terdapat Perbezaan Skor Pos Pembangunan Kompetensi di Antara Kumpulan Strategi Pembelajaran Masteri berbanding Kumpulan Strategi Pembelajaran Tradisional	114
4.3.8	Adakah Terdapat Perbezaan Skor Ujian Pos Pencapaian di Antara Kumpulan Strategi Pembelajaran Masteri berbanding Kumpulan Strategi Pembelajaran Tradisional	117
4.3.9	Adakah Terdapat Perbezaan di Antara Skor Pra Dengan Skor Pos Pembangunan Kompetensi dalam Kumpulan Strategi Pembelajaran Masteri	118
4.3.10	Adakah Terdapat Perbezaan di Antara Skor Ujian Pra Dengan Skor Ujian Pos Pencapaian dalam Kumpulan Strategi Pembelajaran Masteri	120
4.3.11	Adakah Terdapat Perbezaan di Antara Skor Ujian Pra Dengan Skor Ujian Pos Pencapaian dalam Kumpulan Strategi Pembelajaran Tradisional	121
4.3.12	Adakah Terdapat Perbezaan di Antara Skor Ujian Pra Dengan Skor Ujian Pos Pencapaian dalam Kumpulan Strategi Pembelajaran Tradisional	123
4.3.13	Adakah Wujud Perbezaan Pembangunan Kompetensi di Antara Kumpulan Strategi Pembelajaran Masteri dengan Kumpulan Strategi Pembelajaran Tradisional Setelah Skor Ujian Pra Dikawal Sebagai Konstan	124
4.3.14	Adakah Wujud Perbezaan Pencapaian di Antara Kumpulan Strategi Pembelajaran Masteri dengan Kumpulan Strategi Pembelajaran Tradisional Setelah Skor Ujian Pra Dikawal Sebagai Konstan	124

4.3.15	Adakah Wujud Perbezaan Pembangunan Kompetensi Mengikut Jantina Setelah Skor Ujian Pra Dikawal sebagai Konstan dalam Kumpulan Eksperimen	125
4.3.16	Adakah wujud Perbezaan Pembangunan Kompetensi Mengikut Gred Matematik PMR Setelah Skor Ujian Pra Dikawal sebagai Konstan dalam Kumpulan Eksperimen	126
4.3.17	Adakah Wujud Perbezaan Pencapaian Mengikut Jantina Setelah Skor Ujian Pra Dikawal sebagai Konstan dalam Kumpulan Eksperimen	126
4.3.18	Adakah Wujud Perbezaan Pencapaian Mengikut Gred Matematik PMR setelah Skor Ujian Pra Dikawal sebagai Konstan dalam Kumpulan Eksperimen	127
4.4	Rumusan	128

BAB V PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	129
5.2	Ringkasan Kajian	129
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	131
5.3.1	Keberkesanan Strategi Pembelajaran Masteri terhadap Pencapaian Pelajar	131
5.3.2	Keberkesanan Strategi Pembelajaran Masteri terhadap Pembangunan Kompetensi iaitu Kemahiran Penyelesaian Masalah, Kemahiran Komunikasi, Kemahiran Kerja Berkumpulan dan Kemahiran Kepimpinan	133
5.3.2.1	Kemahiran Penyelesaian Masalah	133
5.3.2.2	Kemahiran Komunikasi	134
5.3.2.3	Kemahiran Kerja Berkumpulan	135
5.3.2.4	Kemahiran Kepimpinan	137
5.4	Cadangan Lanjutan Kajian	138

5.5	Rumusan	140
-----	---------	-----

RUJUKAN		141
----------------	--	-----

LAMPIRAN

A1	Rancangan Mengajar Kumpulan Rawatan	150
----	-------------------------------------	-----

A2	Rancangan Mengajar Kumpulan Kawalan	156
----	-------------------------------------	-----

B1	Ujian Pra	161
----	-----------	-----

B2	Ujian Pos	167
----	-----------	-----

C1	Ujian Diagnosis	174
----	-----------------	-----

C2	Ujian Ulangan Diagnosis	189
----	-------------------------	-----

D1	Soal Selidik Rawatan Pra	204
----	--------------------------	-----

D2	Soal Selidik Rawatan Pos	207
----	--------------------------	-----

05-4506832	D3	Soal Selidik Kawalan Pra	210
------------	----	--------------------------	-----

D4	Soal Selidik Kawalan Pos	213
----	--------------------------	-----

E1	Surat-Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	216
----	--	-----

E2	Surat Pelantikan Penyelia	218
----	---------------------------	-----

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1.1	Jadual Peringkat Negeri Sembilan	12
1.2	Jadual Peringkat Kebangsaan	12
2.1	Saiz Kesan Pembelajaran Masteri berdasarkan Peringkat Pengajian	46
2.2	Saiz Kesan Pembelajaran Masteri berdasarkan Mata Pelajaran	47
2.3	Saiz Kesan Pembelajaran Masteri berdasarkan Jangka Masa Kajian	47
3.1	Jadual Pengajaran Bagi Pelajar Kumpulan Eksperimen	

(Pembelajaran Masteri)	65
3.2 Jadual Pengajaran Bagi Kumpulan Kawalan (Pendekatan Tradisional)	66
3.3 Perbandingan Rawatan Kumpulan Eksperimen dan Kawalan	67
3.4 Agihan Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan di Dua Buah Sekolah	69
3.5 Perbezaan dokumen yang diberi kepada guru kumpulan eksperimen dan kawalan	69
3.6 Analisis Set Ujian Soalan Perakaunan Mengikut Aras Kognitif Taksonomi Bloom	71
3.7 Taburan Soalan Mengikut Kriteria Kompetensi	73
3.8 Skala Likert Berserta Dengan Markah Skor	73
3.9 Ringkasan Prosedur Sepanjang Kajian	83
3.10 Senarai Waktu dan Unit Sepanjang Tempoh Kajian	85
4.1 Taburan Responden Mengikut Strategi Pembelajaran Dan Jantina	99
4.2 Taburan Responden Mengikut Strategi Pembelajaran Dan Bangsa	99
4.3 Taburan Responden Mengikut Strategi Pembelajaran dan Pendapatan Ibu Bapa Atau Penjaga	100
4.4 Taburan Responden Mengikut Strategi Pembelajaran dan Gred Matematik di Peringkat PMR	101
4.5 Taburan Responden Mengikut Strategi Pembelajaran dan Gred Bahasa Inggeris di Peringkat PMR	101
4.6 Taburan Responden Mengikut Strategi Pembelajaran dan Gred Kemahiran Hidup di Peringkat PMR	102
4.7 Taburan Responden Mengikut Strategi Pembelajaran dan Gred Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan Pada Peringkat Peperiksaan Pertengahan Tahun	103
4.8 Taburan Responden Mengikut Strategi Pembelajaran dan Yang Meminati Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan	104



4.9	Taburan Responden Mengikut Strategi Pembelajaran dan Mengikuti Kelas Tambahan Luar (Tuisyen) Bagi Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan	104
4.10	Taburan Responden Mengikut Strategi pembelajaran dan Tahap Pendidikan Bapa	105
4.11	Taburan Responden Mengikut Strategi pembelajaran dan Tahap Pendidikan Ibu	106
4.12	Taburan Responden Mengikut Strategi Pembelajaran dan Tempat Tinggal	106
4.13	Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Ujian Pra Pencapaian Pelajar	107
4.14	Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Ujian Pos Pencapaian Pelajar	107
4.15	Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Kemahiran Penyelesaian Masalah	108
4.16	Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Kemahiran Komunikasi	108
4.17	Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Kemahiran Kepimpinan	109
4.18	Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Kemahiran Kerja Kumpulan	109
4.19	Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Kemahiran Penyelesaian Masalah	110
4.20	Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Kemahiran Komunikasi	110
4.21	Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Kemahiran Kepimpinan	110
4.22	Min Dan Sisihan Piawai Mengikut Kemahiran Kerja Kumpulan	111
4.23	Analisis Perbezaan Pencapaian Kemahiran Menyelesaikan Masalah di antara Kelas Eksperimen Dan Kelas Kawalan	112
4.24	Analisis Perbezaan Pencapaian Kemahiran Komunikasi di Antara Kelas Eksperimen Dan Kelas Kawalan	112
4.25	Analisis Perbezaan Pencapaian Kemahiran Kepimpinan di Antara Kelas Eksperimen Dan Kelas Kawalan	113
4.26	Analisis Perbezaan Pencapaian Kemahiran Kerja Kumpulan di Antara Kelas Eksperimen Dan Kelas Kawalan	113



4.27	Analisis Perbezaan Ujian Pra Pencapaian di Antara Kelas Eksperimen Dan Kelas Kawalan	114
4.28	Analisis Perbezaan Skor Pos Pencapaian Kemahiran Menyelesaikan Masalah Di Antara Kelas Eksperimen Dengan Kelas Kawalan	115
4.29	Analisis Perbezaan Skor Pos Pencapaian Kemahiran Komunikasi di Antara Kelas Eksperimen Dengan Kelas Kawalan	115
4.30	Analisis Perbezaan Skor Pos Pencapaian Kemahiran Kepimpinan Di Antara Kelas Eksperimen Dengan Kelas Kawalan	116
4.31	Analisis Perbezaan Skor Pos Pencapaian Kemahiran Kerja Kumpulan Di Antara Kelas Eksperimen Dengan Kelas Kawalan	117
4.32	Analisis Perbezaan Pencapaian Ujian Pos di Antara Kelas Eksperimen Dengan Kelas Kawalan	117
4.33	Analisis Perbezaan di Antara Skor Pra Dengan Skor Pos Pencapaian Kemahiran Menyelesaikan Masalah Dalam Kelas Eksperimen	118
4.34	Analisis Perbezaan di Antara Skor Pra Dengan Skor Pos Pencapaian Kemahiran Komunikasi Dalam Kelas Eksperimen	119
4.35	Analisis Perbezaan di Antara Skor Pra Dengan Skor Pos Pencapaian Kemahiran Kepimpinan Dalam Kelas Eksperimen	119
4.36	Analisis Perbezaan di Antara Skor Pra Dengan Skor Pos Pencapaian Kemahiran Kerja Kumpulan Dalam Kelas Eksperimen	120
4.37	Analisis Perbezaan di Antara Ujian Pra Dengan Ujian Pos Pencapaian Dalam Kelas Eksperimen	120
4.38	Analisis Perbezaan di antara Skor Pra Dengan Skor Pos Pencapaian Kemahiran Menyelesaikan Masalah Dalam Kelas Tradisional	121
4.39	Analisis Perbezaan di Antara Skor Pra Dengan Skor Pos Pencapaian Kemahiran Komunikasi Dalam Kelas Tradisional	122
4.40	Analisis Perbezaan di Antara Skor Pra Dengan Skor Pos Pencapaian Kemahiran Kepimpinan Dalam Kelas Tradisional	122
4.41	Analisis Perbezaan di Antara Skor Pra Dengan Ujian Pos Pencapaian Kemahiran Kerja Kumpulan Dalam Kelas Tradisional	123



4.42	Analisis Perbezaan di Antara Ujian Pra Dengan Ujian Pos Pencapaian Dalam Kelas Tradisional	123
4.43	Ujian Ancova Bagi Pemboleh Ubah Bersandar Berdasarkan Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	124
4.44	Ujian Ancova Bagi Pemboleh Ubah Berdasarkan Pencapaian	125
4.45	Ujian Ancova Bagi Pemboleh Ubah Berdasarkan Jantina	125
4.46	Ujian Ancova Bagi Pemboleh Ubah Bersandar Berdasarkan Gred Matematik PMR	126
4.47	Ujian ANCOVA Bagi Pemboleh Ubah Bersandar Berdasarkan Jantina	127
4.48	Ujian ANCOVA Bagi Pemboleh Ubah Bersandar Berdasarkan Gred Matematik PMR	127



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 Laluan Dua Pensijilan KPM, ACCA dan LCCI	9
1.2 Kerangka Konseptual Kajian	16
2.1 Rajah Model Pengajaran di dalam Strategi Pembelajaran Masteri	32
3.1 Rajah Prosedur Menjalankan Kajian	80



BAB I

PENDAHULUAN



1.1 PENGENALAN

Pendidikan di Malaysia adalah satu proses pembelajaran yang berterusan untuk membina insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Dalam pada itu adalah menjadi hasrat Negara untuk melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan dan ketrampilan untuk melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan dan berketrampilan untuk mengisi keperluan tenaga manusia. Ini sejajar dengan usaha negara untuk meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi menerusi permodenan dan pelbagaian. Kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan amat diperlukan untuk meningkatkan produktiviti negara dan meletakkan Negara diperingkat yang lebih kompetitif bagi menghadapi persaingan di alaf globalisasi. Justeru itu di sektor perkhidmatan perlu disediakan tenaga kerja yang mahir dalam pentadbiran dan pengurusan sumber-sumber khususnya di bidang kewangan (Pusat Perkembangan Kurikulum 2000).





Menurut Shahrir dan Khatijah (1992), pengajaran dan pembelajaran adalah satu proses yang amat penting dalam pendidikan untuk mempelajari ilmu, menguasai pelbagai kemahiran dan membina sahsiah diri dalam usaha untuk melahirkan insan yang berilmu, berakhlak mulia dan berketrampilan dalam perspektif kebahasaan, keintelektualan dan keperibadian yang seimbang. Maka pengajaran dan pembelajaran perlu dilaksanakan dengan berkesan agar pelajar-pelajar dapat dididik dengan sebaik-baiknya terutama dalam perkembangan masa kini.

Pelbagai istilah telah digunakan dalam pendidikan perakaunan di Malaysia iaitu simpan kira, prinsip akaun dan perakaunan. Perbezaan istilah hanyalah merujuk kepada setakat mana tajuk-tajuk di dalam perakaunan diliputi mengikut tahap pendidikan (Sukumaran, 1991). Namun kini dengan perubahan kurikulum yang telah dibuat, istilah yang digunakan pula pada peringkat menengah atas ialah prinsip perakaunan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).



Prinsip perakaunan merupakan lanjutan daripada mata pelajaran kemahiran hidup di peringkat menengah rendah dari aspek penyimpanan rekod perniagaan. Isi kandungannya adalah lanjutan dalam bidang simpan kira yang lebih mengutamakan proses merekod urus niaga (Ismail, Faridah & Azmi, 2002). Pendidikan perakaunan merupakan salah satu komponen di dalam pendidikan perdagangan. Jika dilihat dalam skop yang lebih luas, pendidikan perdagangan mempunyai aspek pendidikan vokasional dan aspek pendidikan umum (Daughtery & Ristau, 1991; Halimah, 1992, Zaidatul Akmaliah & Habibah, 1990).

Pendidikan vokasional lebih menjurus kepada membantu pelajar menguasai kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk mereka bekerja di dalam sesuatu bidang. Pendidikan perakaunan dari aspek pendidikan vokasional berupaya menyediakan pelajar untuk bekerja dalam bidang simpan kira, akaun, pengurusan kewangan, pengkosan, percukaian dan pelaburan. Aspek pekerjaan lain dalam pendidikan perdagangan vokasional ialah kesetiausahaan, perkeranian, pengagihan dan pengurusan perniagaan.





Pendidikan perdagangan umum bercorak membekalkan pelajar dengan pengetahuan dan kemampuan yang membantu mereka di dalam urusan kewangan peribadi dan membolehkan mereka berurusan di dalam dunia perniagaan. Dengan kata lain, pendidikan perakaunan yang merupakan sebahagian daripada pendidikan perdagangan dapat membantu pelajar menjadi warganegara yang berpengetahuan dalam perniagaan dan berupaya mengurus kewangan peribadi.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendekatan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran perakaunan pada masa kini adalah berpusatkan guru dan latih tubi secara individu. Namun begitu, tidak semua pelajar dapat mengikuti pendekatan tersebut dengan baik. Ini dapat dilihat berdasarkan pencapaian pelajar yang kurang memuaskan di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti strategi pembelajaran lain yang berkesan dan boleh disesuaikan dalam pendidikan perakaunan. Dalam kajian ini strategi pembelajaran yang ingin dikaji oleh pengkaji ialah strategi pembelajaran masteri dan kesannya terhadap pencapaian dan kompetensi pelajar dalam mata pelajaran prinsip perakaunan tingkatan empat. Kompetensi yang akan dikaji oleh pengkaji ialah kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berkumpulan dan kemahiran kepimpinan.

Pendekatan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran perakaunan pada masa kini adalah berpusatkan guru dan latih tubi secara individu. Namun begitu, tidak semua pelajar dapat mengikuti pendekatan tersebut dengan baik. Ini dapat dilihat berdasarkan pencapaian pelajar yang kurang memuaskan di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti strategi pembelajaran lain yang berkesan dan boleh disesuaikan dalam prinsip perakaunan. Dalam kajian ini strategi pembelajaran yang ingin dikaji oleh pengkaji ialah strategi pembelajaran masteri dalam prinsip perakaunan.





Strategi pengajaran dan pembelajaran yang telah lama digunakan di dalam pendidikan perakaunan sehinggalah ke hari ini terdiri daripada pengajaran secara kuliah, latih tubi dan demonstrasi penyelesaian masalah oleh guru (Beegle & Coffee, 1991; Emore & Cress, 1989). Strategi ini dikenali sebagai pengajaran dan pembelajaran tradisional dan yang berpusatkan guru. Dapatan kajian Sharifah dan Zaidatol (1990) juga menunjukkan kaedah yang sama digunakan oleh guru perdagangan yang mengajar aspek simpan kira. Berdasarkan Laporan Jemaah Nazir (Halimah, 1992), kaedah yang berbentuk tradisional itu juga dipraktikkan di dalam kelas prinsip perakaunan.

Walaupun kaedah tradisional yang menekankan pengajaran secara kuliah berupaya menyampaikan isi kandungan pelajaran dengan lebih banyak tetapi kaedah ini dikritik kerana ia menjadikan pelajar pasif (Holter, 1994) dan tidak mengambil kira keperluan pelajar yang berbeza dari segi tahap kebolehan (Mok Soon Sang, 1997). Pada kebiasaannya, pelajar membuat latih tubi secara bersendirian di dalam kelas. Interaksi sesama pelajar tidak ditekankan. Sebarang kesukaran dikemukakan kepada guru sahaja menjadikan guru tidak mempunyai masa yang cukup untuk membantu pelajar yang ramai. Masalah pengurusan masa yang lemah ini juga dinyatakan di dalam Laporan Jemaah Nazir (Halimah, 1992).

Pengajaran dan pembelajaran tradisional yang berpusatkan guru ini tidak menepati strategi yang disarankan di bawah KBSM yang menekankan strategi berpusatkan pelajar. Strategi pemusatan pelajar menggalakkan pelajar melibatkan diri secara aktif di dalam aktiviti pembelajaran dan bukan sebagai penerima maklumat semata-mata. Sehubungan dengan itu, antara teknik-teknik yang sesuai adalah kerja berkumpulan dan perbincangan sesama pelajar. Namun begitu, masalah yang biasa timbul apabila teknik tersebut digunakan ialah hanya sebahagian kecil pelajar yang melibatkan diri dan terdapat pelajar yang mengambil kesempatan di atas usaha rakan yang lain atau tidak bekerjasama.

Dengan mengambil kira aspek kognitif, tingkah laku, emosi dan sosial pelajar, satu kaedah di mana guru dapat menyediakan satu keadaan sekeliling yang membolehkan





pelajar mempraktikkan dan memperkembangkan kemahiran yang boleh diperkembangkan melalui kaedah kes yang dianggap sebagai penyelesaian masalah yang kreatif telah diperkenalkan. Kaedah tersebut dikenali sebagai strategi pembelajaran masteri.

1.2.1 Latar Belakang Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan

Menurut Sukumaran (1991), pendidikan perakaunan adalah satu pengajian mengenai semua peraturan-peraturan atau prinsip-prinsip tentang perekodan angka dalam nilai-nilai kewangan. Di antara istilah yang digunakan untuk pendidikan perakaunan di dalam sistem perakaunan di Malaysia ialah simpan kira dan prinsip perakaunan. Perbezaan yang wujud antara keduanya adalah merujuk kepada setakat mana tajuk-tajuk di dalam perakaunan diliputi mengikut tahap pendidikan.

Oleh itu, di sekolah prinsip perakaunan merupakan perluasan dan lanjutan kepada aspek menyimpan rekod yang dipelajari dalam mata pelajaran kemahiran hidup bersepadu di peringkat menengah rendah. Walau bagaimanapun, isi kandungan mata pelajaran prinsip perakaunan melampaui bidang simpan kira yang lebih mengutamakan proses merekod urus niaga. Melalui mata pelajaran ini, pelajar didedahkan kepada konsep, prinsip dan kaedah perakaunan yang diperkukuhkan dengan kemahiran merekod, mengelas, mentafsir, menganalisis dan mensintesis data kewangan berdasarkan urus niaga atau peristiwa perniagaan. Pelajar-pelajar juga didedahkan kepada penggunaan komputer dalam sistem perakaunan berkomputer selaras dengan perkembangan teknologi maklumat semasa.

Di bawah kurikulum bersepadu sekolah menengah (KBSM), semua pelajar menengah rendah dikehendaki mengambil mata pelajaran kemahiran hidup bersepadu sebagai 1 mata pelajaran wajib. Aspek simpan kira terdapat di dalam komponen perdagangan dan keusahawanan. Dengan ini di bawah KBSM, semua pelajar menengah rendah dikehendaki mempelajari aspek simpan kira. Selain daripada mata pelajaran teras dan tambahan, pelajar-pelajar di peringkat menengah atas perlu mengambil sekurang-





kurangnya dua tetapi tidak melebihi 4 mata pelajaran. Mata pelajaran elektif dikategorikan kepada 4 kumpulan iaitu Kemanusiaan, Vokasional dan Teknologi (VT), Sains dan Pengajian Islam. Salah satu mata pelajaran yang wajib diambil oleh pelajar adalah dari kumpulan VT. Di antara mata pelajaran lain di dalam kumpulan VT ialah prinsip perakaunan, perdagangan dan ekonomi asas. Terdapat pelajar dari aliran sains yang mengambil kertas prinsip perakaunan. Bagi kumpulan kedua yang mengambil kertas ini dikategorikan sebagai sastera ikhtisas.

Apabila pelajar berpeluang melanjutkan pelajaran dalam bidang perakaunan, dapatan dari kajian-kajian pendidikan menunjukkan pendekatan belajar adalah berbeza bergantung pada disiplin dan sifat subjek itu sendiri. Lebih dari sedekad yang lalu, accounting education change commission (AECC) mengeluarkan cadangan-cadangan berkaitan dengan pendidikan perakaunan secara umum dan kursus pengenalan kepada perakaunan secara khusus. AECC secara keseluruhannya memberi penekanan kepada pel tentang keperluan untuk meningkatkan kemahiran belajar secara analitikal dan konseptual dan bukan hanya setakat menghafal piawaian-piawaian profesional semata-mata (Rafik, 2005).

1.2.2 Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan

Prinsip perakaunan merupakan mata pelajaran elektif untuk Tingkatan 4 dan 5 dalam Kurikulum Bersapadu Sekolah Menengah (KBSM) di bawah kumpulan Vokasional dan Teknologi dan merupakan lanjutan kepada mata pelajaran Kemahiran Hidup di peringkat menengah rendah dari aspek menyimpan rekod perniagaan. Isi kandungan mata pelajaran prinsip perakaunan adalah merupakan peningkatan dalam bidang simpan kira yang lebih mengutamakan proses merekod urusanniaga berdasarkan prosedur debit dan kredit. Pelajar didedahkan tentang konsep dan prinsip asas perakaunan, perancangan kewangan dan pengurusan pengekoson. Di samping konsep, prinsip dan kaedah perakaunan, pelajar akan diperkukuhkan dengan kemahiran merekod, mengklasifikasi, mentafsir, menganalisis dan mengungkap data kewangan berdasarkan urusanniaga atau peristiwa perniagaan. Pelajar





juga didedahkan kepada komputer dalam sistem perakaunan berkomputer selaras dengan perkembangan teknologi maklumat semasa.

Di dalam buku sukatan pelajaran Prinsip Perakaunan Tingkatan 4 (Kementerian Pendidikan Malaysia 2000), ada menyatakan pendidikan Prinsip Perakaunan adalah untuk membolehkan pelajar:

- a) Memahami konsep dan prinsip perakaunan serta kitaran perakaunan yang diamalkan dalam perniagaan.
- b) Mengenalpasti dokumen-dokumen sumber perniagaan sebagai maklumat asas dalam sistem perakaunan, merekodkan maklumat tersebut ke lejar, menyediakan Imbangan Duga dan seterusnya menyediakan Penyata Kewangan.
- c) Membuat pelarasan akaun yang perlu dengan mengambilkira susut nilai, pelupusan aset, hutang lapuk, peruntukan hutang ragu, belanja dan hasil sama ada terakru atau terdahulu.
- d) Mengurus kawalan tunai melalui penyediaan buku tunai, buku tunai runcit, penyata penyesuaian bank dan belanjawan tunai.
- e) Membuat perbandingan dari aspek ciri-ciri dan rekod perakaunan bagi pemilikan perniagaan keempunyaan tunggal, perkongsian dan syarikat berhad.
- f) Menyediakan akaun-akaun yang terlibat dalam organisasi bukan perniagaan (kelab dan perakaunan)
- g) Mengaplikasi penggunaan akaun kawalan, persamaan perakaunan, pelarasan belanja dan hasil berasaskan kaedah perbandingan atau kaedah analisis semasa menyediakan akaun yang mengandungi rekod tak lengkap.
- h) Menyediakan akaun pengeluaran dan membuat analisis kos volum untuk mengira titik pulangan modal dengan menggunakan konsep asas pengurusan kos.
- i) Menilai prestasi kewangan sesebuah perniagaan berasaskan tafsiran penyata kewangan.
- j) Mengamalkan tabiat dan etika kerja yang positif, serta mampu menggunakan teknologi maklumat dalam bidang perakaunan.





Berdasarkan objektif di atas, mata pelajaran Prinsip Perakaunan diharapkan dapat menanamkan minat di kalangan pelajar terhadap Prinsip Perakaunan sebagai satu disiplin ilmu. Selain daripada itu, mata pelajaran Prinsip Perakaunan diharapkan dapat melahirkan pelajar-pelajar yang berwibawa, bertanggungjawab serta akauntabiliti kearah mencapai matlamat negara maju.


Pelajar lepasan SPM 2008 yang berjaya memperolehi keputusan 1A dan 2A dalam subjek Prinsip Perakaunan akan mendapat pengecualian CAT (Certified Accounting Technician) untuk Kertas 'Recording Financial Transactions'. CAT merupakan program asas perakaunan untuk kelayakan professional ACCA. ACCA berbangga bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran untuk inisiatif ini membolehkan lebih ramai pelajar Malaysia menceburi profesion perakaunan dan kewangan (Berita Harian,2009).

CALON Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang menduduki kertas Prinsip Perakaunan boleh memilih untuk mendapatkan sijil tambahan sama ada daripada satu atau kedua-dua badan perakaunan profesional - The Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) dan London Chamber of Commerce and Industry (LCCI). Walau bagaimanapun, hal ini tertakluk kepada syarat iaitu pelajar tersebut perlu mencapai tahap gred SPM dan bahasa Inggeris, sebagaimana yang ditetapkan. Dengan ini pelajar lepasan SPM boleh terus ikuti ACCA dan LCCI(Utusan Malaysia,2007).

Badan ACCA menawarkan pensijilan kepada pelajar sebagai telah mencapai tahap lulus setara bagi Paper 1 dan Paper 2 untuk Level 1, dan LCCI pula sehingga Level 2 LCCI Qualification. Hal ini bermakna pelajar lepasan SPM yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan diberikan pengecualian menduduki Paper 1 dan Paper 2 bagi Level 1 ACCA (daripada keseluruhan tiga level), dan untuk LCCI pula mereka dikecualikan menduduki Level 1 dan Level 2 (daripada keseluruhan tiga level). Melalui projek dua pensijilan itu, pelbagai kelebihan bakal dinikmati oleh para pelajar yang menduduki Prinsip Perakaunan(Utusan Malaysia,2007).



Jabatan Pendidikan Teknikal telah bekerjasama dengan badan-badan professional perakaunan seperti ACCA, CIMA, LCCI, MIA, MICPA dan MASB untuk menaik taraf pendidikan mata pelajaran prinsip perakaunan ke peringkat antarabangsa melalui gabungan dua pensijilan kebangsaan SPM dan industri/professional ACCA – Sijil “CAT Introductory Level, Paper 1 and Paper 2 serta LCCI-“Level 1 dan Level 2” yang berasaskan pengetahuan, kemahiran penggunaan komputer serta nilai-nilai murni (Jabatan Pendidikan Teknikal 2007). Laluan dua pensijilan KPM, ACCA dan LCCI (Rajah 1).



Rajah 1.1 Laluan Dua Pensijilan KPM, ACCA dan LCCI



Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata sijil tambahan dikeluarkan Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA) dan London Chamber of Commerce and Industry (LCCI) itu akan memberi kelebihan kepada pelajar yang sudah memiliki kemahiran asas dalam bidang perakaunan, bersaing dalam pasaran pekerjaan (Berita Harian, 2007).

Format bagi pentaksiran Prinsip Perakaunan SPM menggunakan dua instrument iaitu Kertas 1 (berbentuk ujian objektif) dan Kertas 2 (berbentuk ujian subjektif). Manakala aras kesukaran terdiri daripada aras rendah, sederhana dan tinggi. Bagi soalan objektif aras kesukaran dibahagikan mengikut 6:3:1 manakala ujian subjektif dibahagikan mengikut 4:3:3. (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2003)

1.3 PERNYATAAN MASALAH



Permasalahan tentang pencapaian yang kurang cemerlang dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan bukanlah perkara baru dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia ini. Isu ini telah menjadi satu agenda yang penting untuk dikaji dan mencari penyelesaiannya. Terdapat berbagai-bagai faktor yang menyebabkan masalah ini berlaku. Diantaranya ialah seperti aktiviti-aktiviti latihan dan peneguhan yang dijalankan di peringkat sekolah kadangkala hanya tertumpu kepada mata pelajaran yang terpilih sahaja. Demikian juga asas untuk menguasai pengetahuan dalam subjek prinsip perakaunan, perniagaan dan ekonomi masih tidak banyak diaturkan (Berita Harian, 2001).

Selain itu ramai yang menganggap Prinsip Perakaunan adalah satu mata pelajaran yang susah dan corak pengajaran guru yang kurang menarik adalah punca ramai pelajar yang kurang minat mengikuti kelas ini. Disamping itu juga kebanyakan guru yang mengajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan hanya menggunakan kaedah biasa atau tradisional. Ini menyebabkan pelajar mungkin kurang minat atau bosan ketika mengikuti kelas tersebut.





Suasana di dalam kelas hari ini lebih berorientasikan kepada pencapaian akademik semata-mata. Kaedah atau strategi yang digunakan di dalam kelas menjadi salah satu faktor yang membuatkan pelajar menjadi pasif dan kurang berinteraksi sesama rakan dalam

tugasan. Bertitik tolak dalam pemasalahan ini wujud di dalam pendidikan perakaunan yang merangkumi aspek pembangunan kompetensi pelajar dari segi kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran komunikasi, kemahiran kepimpinan dan kemahiran kerja kumpulan. Salah satu alternatif kepada strategi pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada adalah pembelajaran masteri.

Dalam usaha untuk melahirkan ramai graduan jurusan perakaunan, langkah perlulah dimulakan pada peringkat sekolah lagi. Di peringkat ini, pelajar perlu menguasai kemahiran asas perakaunan yang kukuh dan pencapaian yang cemerlang di dalam peperiksaan. Jika kita meninjau secara am di sekolah-sekolah menengah Prinsip Perakaunan telah didapati bahawa prestasi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan masih pada tahap yang sederhana (sila rujuk Jadual 1.1 dan 1.2). Mata pelajaran Prinsip Perakaunan telah dijadikan sebagai salah satu mata pelajaran dalam kumpulan elektif bagi sekolah menengah atas (Tingkatan 4 dan 5) semenjak pembaharuan kurikulum dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

Namun peratus pencapaian mata pelajaran Prinsip Perakaunan ini masih tidak mencapai pada tahap yang cemerlang hampir di semua sekolah-sekolah harian. Mata Pelajaran elektif boleh dipilih oleh pelajar mengikut minat, bakat dan kebolehan masing-masing bertujuan bagi menyediakan pelajar supaya dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi termasuk bercorak professional untuk membabitkan diri dalam dunia pekerjaan kelak. Usaha dijangka dapat mengelakkan pelajar daripada membazirkan masa mereka selama dua tahun iaitu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 mempelajari perkara yang tidak diminatinya. Ini menunjukkan bahawa pada umur 16 tahun pelajar telah dapat menentukan cita-cita dan bidang kerjaya yang ingin diceburinya.



		CEMERLANG			KEPUJIAN			LULUS		GAGAL	BIL
		1A	2A	3B	4B	5C	6C	7D	8E	9G	DUDUKI
2006	bil	876	210	234	281	301	368	512	514	1297	4593
	%	19.1	4.6	5.1	6.1	6.6	8	11.1	11.2	28.2	
2007	bil	944	241	273	319	373	365	510	583	1407	5015
	%	18.8	4.8	5.4	6.4	7.4	7.3	10.2	11.6	28.1	
2008	bil	736	262	264	300	404	418	587	515	1371	4857
	%	15.2	5.4	5.4	6.2	8.3	8.6	12.1	10.6	28.2	

Jadual 1.1 Peringkat Negeri Sembilan

		CEMERLANG			KEPUJIAN			LULUS		GAGAL	BIL
		1A	2A	3B	4B	5C	6C	7D	8E	9G	DUDUKI
2006	bil	17023	5135	5436	6044	6485	6973	8987	9156	17605	82844
	%	20.5	6.2	6.6	7.3	7.8	8.4	10.8	11.1	21.3	
2007	bil	17738	5680	6026	7368	7754	7047	9096	10013	18112	88834
	%	20	6.4	6.8	8.3	8.7	7.9	10.2	11.3	20.4	
2008	bil	14896	5451	6134	6770	8670	8177	10261	8718	18278	87355
	%	17.1	6.2	7	7.7	9.9	9.4	11.7	10	20.9	

Jadual 1.2 Peringkat Kebangsaan

Hasilan kajian ini kelak diharapkan dapat membantu para guru memahami dan mengenalpasti strategi pembelajaran pelajar yang dapat disesuaikan dengan gaya pengajaran guru. Ini penting bagi menjamin peningkatan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran prinsip perakaunan. Selain daripada itu, kajian ini dapat membantu pihak guru dalam mengenalpasti perbezaan strategi pembelajaran pelajar sama ada mengikut bangsa dan gred matematik dalam PMR dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

Birkett (1993) menerangkan tentang gabungan kemahiran-kemahiran dalam kompetensi. Ia adalah terdiri daripada kemahiran kognitif, pengetahuan dan keupayaan yang merupakan fungsi kepada kelayakan bekerja dan kemahiran tingkah laku atau ciri-ciri peribadi seperti prinsip, sikap, nilai dan motif. Ekoran dari masalah pelajar yang kurang kompeten, maka perlulah di kenal pasti satu strategi pengajaran yang dapat meningkatkan tahap kompetensi pelajar yang sepatutnya perlu bermula di peringkat sekolah menengah lagi. Pengkaji ingin mengkaji kesan strategi pembelajaran masteri terhadap pencapaian dan pembangunan kompetensi pelajar di peringkat sekolah menengah bagi mata pelajaran prinsip perakaunan.

1.4 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menguji keberkesanan strategi pembelajaran masteri terhadap pencapaian dan pembangunan kompetensi pelajar dalam mata pelajaran prinsip perakaunan tingkatan 4. Pembangunan kompetensi yang akan dikaji oleh pengkaji ialah kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran komunikasi, kemahiran kepimpinan dan kemahiran kerja kumpulan. Disamping itu adalah untuk membandingkan strategi pembelajaran masteri dan strategi pembelajaran tradisional.

1.4.1 Objektif kajian

Bagi mencapai tujuan kajian, berikut disenaraikan objektif-objektif kajian:

- i. Menguji keberkesanan strategi pembelajaran masteri terhadap pencapaian prestasi pelajar.



- ii. Menguji keberkesanan strategi pembelajaran masteri terhadap pembangunan kompetensi pelajar iaitu kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berkumpulan dan kemahiran kepimpinan.
- iii. Membandingkan strategi pembelajaran masteri dengan strategi pembelajaran tradisional.

1.4.2 Persoalan kajian


- i. Apakah pencapaian ujian pra bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan?
- ii. Apakah pencapaian ujian pos bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan?
- iii. Apakah pencapaian skor pra pembangunan kompetensi pelajar bagi kedua-dua kumpulan strategi pembelajaran masteri dan strategi pembelajaran tradisional?
- iv. Apakah pencapaian skor pos pembangunan kompetensi pelajar bagi kedua-dua kumpulan strategi pembelajaran masteri dan strategi pembelajaran tradisional?
- v. Adakah terdapat perbezaan skor pra pembangunan kompetensi di antara kumpulan strategi pembelajaran masteri berbanding kumpulan strategi pembelajaran tradisional?
- vi. Adakah terdapat perbezaan skor ujian pra pencapaian di antara kumpulan strategi pembelajaran masteri berbanding kumpulan strategi pembelajaran tradisional?
- vii. Adakah terdapat perbezaan skor pos pembangunan kompetensi di antara kumpulan strategi pembelajaran masteri berbanding kumpulan strategi pembelajaran tradisional?
- viii. Adakah terdapat perbezaan skor ujian pos pencapaian di antara kumpulan strategi pembelajaran masteri berbanding kumpulan strategi pembelajaran tradisional?
- ix. Adakah terdapat perbezaan di antara skor pra dengan skor pos pembangunan kompetensi dalam kumpulan strategi pembelajaran masteri?
- x. Adakah terdapat perbezaan di antara skor ujian pra dengan skor ujian pos pencapaian dalam kumpulan strategi pembelajaran masteri?
- xi. Adakah terdapat perbezaan di antara skor pra dengan skor pos pembangunan kompetensi dalam kumpulan strategi pembelajaran tradisional?



- xii. Adakah terdapat perbezaan di antara skor ujian pra dengan skor ujian pos pencapaian dalam kumpulan strategi pembelajaran tradisional?
- xiii. Adakah wujud perbezaan pembangunan kompetensi di antara kumpulan strategi pembelajaran masteri dengan kumpulan strategi pembelajaran tradisional setelah skor ujian pra dikawal sebagai konstan?
- xiv. Adakah wujud perbezaan pencapaian di antara kumpulan strategi pembelajaran masteri dengan kumpulan strategi pembelajaran tradisional setelah skor ujian pra dikawal sebagai konstan?
- xv. Adakah wujud perbezaan pembangunan kompetensi mengikut jantina setelah skor ujian pra dikawal sebagai konstan dalam kumpulan eksperimen?
- xvi. Adakah wujud perbezaan pembangunan kompetensi mengikut gred matematik PMR setelah skor ujian pra dikawal sebagai konstan dalam kumpulan eksperimen?
- xvii. Adakah wujud perbezaan pencapaian mengikut jantina setelah skor ujian pra dikawal sebagai konstan dalam kumpulan eksperimen?
- xviii. Adakah wujud perbezaan pencapaian mengikut gred matematik PMR setelah skor ujian pra dikawal sebagai konstan dalam kumpulan eksperimen?

1.5 Kerangka konseptual kajian

Kerangka konseptual merujuk kepada satu set konsep yang berkaitan antara satu sama lain yang berhubung dengan satu-satu fenomena yang dikaji (Sabitha Marican, 2005). Menurut beliau lagi, penyelidik kuantitatif sering kali menggunakan kerangka konseptual untuk memandu mengumpul data dan menginterpretasi aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan.



Rajah 1.2 Kerangka Konsep Kajian

Satu kerangka konsep kajian telah dibina bagi memudahkan kajian dijalankan. Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konseptual yang telah dijalankan oleh penyelidik berdasarkan dua objektif kajian. Kerangka konsep kajian ini diadaptasi dari kajian oleh Suhaida Abdul Kadir (2002).

Aplikasi pengajaran masteri adalah berasaskan model pembelajaran yang dikemukakan oleh Benjamin Bloom (1968) dan diubahsuai oleh Block (1974). Pendekatan pengajaran masteri, pada asalnya adalah berasaskan pengajaran berpusat pelajar dan berlaku dalam kumpulan. Bagaimanapun, terdapat juga strategi pengajaran masteri yang berbentuk individu atau pelajar belajar sendiri.



Untuk menggunakan pendekatan masteri, guru mesti memecahkan sesuatu unit pembelajaran kepada tajuk-tajuk kecil. Setiap tajuk kecil ini mengandungi beberapa objektif khusus. “Masteri” bermaksud mencapai kemahiran seperti dalam objektif pembelajaran dengan memperoleh skor 80% ke atas dalam ujian. Guru perlu memberitahu pelajar mengenai objektif dan kriteria untuk mencapai objektif-objektif tersebut. Pelajar yang tidak mencapai tahap minimum dalam ujian atau pelajar yang dapat mencapai skor minimum, tetapi masih tidak puas hati dengan pencapaian, mereka boleh mengulang semula tajuk kecil tersebut, sebelum beralih kepada tajuk kecil yang lain.

Dalam pengajaran masteri, peranan guru adalah menyediakan bimbingan atau pelajaran tambahan kepada pelajar yang belum menguasai sesuatu tajuk kecil. Terdapat beberapa cara untuk melaksanakannya. Guru boleh mengaturkan supaya pelajar mendapat bantuan daripada rakan sebaya sesama kelas atau berlainan kelas, atau ahli-ahli lain dalam kumpulan pembelajaran kooperatif. Sekiranya tidak terdapat masa atau tenaga (guru atau pelajar), guru boleh mengadaptasi pengajaran masteri ini dalam bilik darjah biasa, iaitu guru memulakan pelajaran dengan menegaskan objektif yang perlu dicapai. Selepas pembelajaran, guru memberi ujian untuk menguji kefahaman pelajar mengenai tajuk kecil tertentu. Pelajar yang telah mencapai tahap masteri yang ditetapkan, boleh diberi aktiviti pengayaan, seperti memberi tugas simulasi. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasi perhubungan antara pemboleh ubah bersandar melalui kaedah penyelidikan eksperimen.

Bagi intervensi strategi pembelajaran masteri menggunakan langkah-langkah seperti berikut:

1. Menetapkan objektif pencapaian yang diharapkan pelajar capai setelah melengkapkan pengajaran.
2. Mengajar menggunakan sebarang prosedur untuk membantu pelajar dalam pembelajaran.
3. Melaksanakan ujian diagnosis untuk objektif-objektif berkenaan untuk memantau perkembangan pelajar dalam pembelajaran.





4. Pemulihan dan diagnosis semula sekiranya dikehendaki untuk membantu pelajar menguasai masalah unit pembelajaran yang pelajar berkenaan hadapi sebelum semua kelas beralih kepada pengajaran seterusnya. Keputusan ini boleh dibuat oleh guru atau pelajar sendiri.
5. Mengadakan ujian pos pada akhir kursus untuk menilai dan menggredkan pencapaian setiap pelajar.

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasi perhubungan antara pemboleh ubah bersandar melalui kaedah penyelidikan eksperimen. Berdasarkan kerangka konseptual penyelidikan Rajah 1.2 bagi kajian ini menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Pemboleh ubah bersandar ialah pencapaian dan pembangunan kompetensi pelajar yang terdiri daripada kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berkomunikasi, kemahiran kepimpinan dan kemahiran kerja berkumpulan. Manakala pemboleh ubah tidak bersandar pula ialah pendekatan strategi pembelajaran masteri dan ciri-ciri pelajar iaitu jantina dan pencapaian matematik PMR.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Dalam era globalisasi, ekonomi terbuka menjadi amalan dan kejayaan sesuatu negara adalah bergantung pada keupayaan tenaga kerjanya bersaing di peringkat antarabangsa. Bidang pendidikan yang dianggap tunjang dalam pembentukan tenaga perlu diberi perhatian. Induk kepada pendidikan iaitu, amalan pengajaran dan pembelajaran haruslah menjurus ke arah menyediakan pelajar agar dapat menjadi tenaga kerja yang bertaraf antarabangsa dalam semua bidang kerjaya. Keperluan ini lebih meruncing di bidang pendidikan teknik dan vokasional. Ini kerana kandungan kompetensi teknik dan vokasional sentiasa mengalami perubahan pada kadar yang lebih cepat berbanding dengan pendidikan umum.

Langkah yang berkesan haruslah diambil untuk mengesan pengetahuan semasa setiap individu pelajar. Usaha haruslah digiatkan kearah membetulkan konsep asas



sebelum pelajar mara kepada konsep-konsep yang terbit dari konsep asas untuk menguasai domain konsep menyeluruh. Seterusnya dari langkah ini dapat meningkatkan peratus calon SPM yang cemerlang dan kepujian untuk membolehkan pelajar ini memasuki bidang yang berkaitan dengan teknik dan vokasional di institusi pengajian tinggi.

Hasil kajian ini juga sedikit sebanyak boleh menjadi pendorong kepada guru perakaunan untuk beralih kepada kaedah yang berpusatkan pelajar secara lebih berstruktur. Kaedah kuasi eksperimen yang digunakan di dalam kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada guru untuk diaplikasikan di dalam kelas. Berdasarkan penggunaan strategi pembelajaran masteri yang menggunakan kaedah pembelajaran secara berkumpulan yang menggalakkan kerjasama antara pelajar yang berbeza tahap kebolehan, dapatan kajian ini diharapkan dapat mengubah persepsi bahawa perakaunan adalah satu mata pelajaran yang sukar yang mana hanya pelajar berkebolehan tinggi sahaja yang boleh berjaya. Seterusnya lebih ramai pelajar yang akan berminat mendalami bidang perakaunan dan pada masa yang sama prestasi pelajar secara keseluruhannya meningkat lebih baik.

Justeru itu dengan adanya kajian ini diharapkan akan membantu pihak berkaitan seperti Kementerian Pelajaran, Institusi Pendidikan Guru (IPG), universiti dan pihak sekolah mengambil kira Pembelajaran Masteri sebagai alternatif kepada strategi pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada di dalam melahirkan individu berupaya menjadi anggota masyarakat yang seimbang dalam aspek intelek dan emosi.

1.7 BATASAN KAJIAN

Penyelidikan ini hanya tertumpu kepada pelajar tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran prinsip perakaunan di dua buah sekolah sahaja dan penyelidikan ini hanya melibatkan dua orang guru dan dua tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran prinsip perakaunan di dua buah sekolah sahaja.



Penyelidikan ini hanya melibatkan tajuk tingkatan empat sahaja iaitu penyediaan penyata kewangan dengan pelarasan dan hanya dihadkan kepada item-item yang terlibat dalam instrumen yang digunakan untuk mengumpul data serta penyelidikan ini tidak mengambilkira ujian dalam yang ditadbir di sekolah. Untuk pelajar yang didedahkan dengan pembelajaran masteri, kitaran ujian diagnosis dan langkah ulangan hanya dijalankan dua kali sahaja dan disebabkan masa yang terbatas, aktiviti pengayaan jenis pengembangan seperti membuat projek, tugas khas dan kajian tidak dipraktikan.

Aktiviti pemulihan dan pengukuhan tidak dapat dijalankan dengan lebih berkesan kerana batasan waktu dan soalan aktiviti pemulihan dan pengukuhan sekiranya dijalankan adalah mengikut soalan yang bersesuaian mengikut guru kelas berkenaan. Manakala pemboleh ubah tidak bersandar pula ialah pendekatan strategi pembelajaran masteri hanya mengambil mengambil ciri-ciri pelajar iaitu jantina dan pencapaian matematik PMR.



Kajian ini berbentuk eksperimen yang dijalankan di Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang, Kuala Klawang, Negeri Sembilan. Responden kajian adalah terdiri daripada 33 orang pelajar tingkatan 4 empat yang mengambil mata pelajaran prinsip perakaunan. Manakala kumpulan kawalan pula ialah 35 orang pelajar tingkatan 4 yang mengambil mata pelajaran prinsip perakaunan di Sekolah Menengah Kebangsaan Undang Jelebu, Kuala Klawang, Negeri Sembilan. Oleh itu, dapatan kajian adalah terbatas kepada perkara di atas dan tidak boleh digeneralisasikan kepada populasi lain.

Segala dapatan yang diperolehi, hanya boleh menggambarkan hubungan antara keberkesanan strategi pembelajaran masteri terhadap pencapaian pelajar dan pembangunan kompetensi. Pembangunan kompetensi tersebut ialah kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berkumpulan dan kemahiran kepimpinan.



1.8 DEFINISI OPERATIONAL

1.8.1 Pembelajaran masteri

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menetapkan objektif pencapaian yang diharapkan pelajar capai setelah melengkapkan pengajaran, mengajar menggunakan sebarang prosedur untuk membantu pelajar dalam pembelajaran, melaksanakan ujian diagnosis untuk objektif-objektif berkenaan untuk memantau perkembangan pelajar dalam pembelajaran, pemulihan dan diagnosis semula sekiranya dikehendaki untuk membantu pelajar menguasai masalah unit pembelajaran yang pelajar berkenaan hadapi sebelum semua kelas beralih kepada pengajaran seterusnya. Keputusan ini boleh dibuat oleh guru atau pelajar sendiri dan mengadakan ujian pos pada akhir kursus untuk menilai dan menggredkan pencapaian setiap pelajar. Block, et al (1989) berpendapat konsep pendekatan pembelajaran masteri adalah suatu kaedah yang menyeluruh dan tiada pendekatan pengajaran lain. Ini kerana pembelajaran masteri melibatkan semua aspek pengajaran dan pembelajaran asas dalam kelas seperti kurikulum, pengajaran, pengurusan dan ujian.

1.8.2 Pendekatan tradisional

Pendekatan pengajaran yang biasa digunakan oleh guru tetapi tiada langkah diagnosis dan susulan untuk mengesan penguasaan hasil pembelajaran setiap pelajar. Teknik pengajaran tradisional merujuk kepada kaedah pengajaran yang biasa digunakan oleh guru dalam menyampaikan isi pelajaran kepada pelajar. Dalam kaedah ini, biasanya pelajar akan mendengar segala penerangan dan membuat catatan segala maklumat yang diberikan. Aktiviti perbincangan kumpulan juga akan dilaksanakan mengikut kesesuaian dan waktu pengajaran dan pembelajaran. Pelajar menjalankan aktiviti secara individu di tempat duduk masing-masing. Selebihnya, guru akan menerangkan sesuatu konsep berserta isi pengajaran (Zainuddin, 2004).

1.8.3 Pencapaian

Pencapaian merupakan satu skor atau gred yang dicapai oleh pelajar dalam satu ujian atau peperiksaan yang piawai. Ianya juga boleh dinyatakan berdasarkan penilaian guru terhadap prestasi pelajar di dalam kelas. Pencapaian ini juga boleh dinyatakan berdasarkan penilaian guru terhadap prestasi pelajar di dalam kelas. Pembelajaran pelajar di dalam kajian ini diukur menggunakan ujian prestasi yang dibentuk sendiri oleh pengkaji. Ujian ini mengandungi set ujian perakaunan. Ujian ini mengukur sejauh mana seseorang itu lebih baik dari individu yang lain dalam perkara yang telah dipelajari bersama.

Set ujian pencapaian pra dan pos terbahagi kepada 2 bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A terdiri daripada 20 soalan objektif dan bahagian B pula mengandungi satu soalan lengkap penyediaan penyata kewangan melibatkan pelarasan Pengukuran merupakan satu proses menghasilkan nilai-nilai kuantitatif untuk menentukan peringkat dan kedudukan pelajar-pelajar dalam pembelajaran. Tujuan utamanya ialah untuk membuat pengelasan bagi pencapaian akademik pelajar dalam pembelajaran.

1.8.4 Kompetensi

Kompetensi adalah kualiti yang dicari dalam diri pelajar iaitu keseimbangan di antara pencapaian nilai gred dan kemahiran tingkah laku yang bersesuaian. Kompetensi ingin dikaji oleh pengkaji ialah kemahiran personal yang diwakili oleh kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berkumpulan dan kemahiran kepimpinan. Dalam Kajian ini kemahiran-kemahiran tersebut disatukan menjadi pembangunan kompetensi. Kompetensi adalah satu konstruk yang dikategorikan sebagai kognitif, boleh dipelajari (Hackett 2001) dan merupakan satu atribusi tingkahlaku (Kearns 2001). Kompetensi merupakan hubungan dinamik antara pengetahuan, kefahaman, kemahiran, nilai, sikap dan minat. Ia meliputi kesemua tiga aspek objektif pendidikan iaitu kognitif, afektif dan psikomotor (Becker, 1985).



1.8.5 Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan

Prinsip Perakaunan ialah simpan kira atau asas perakaunan bagi pelajar Tingkatan 4 dan 5 yang mengambilnya sebagai mata pelajaran elektif dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di bawah kumpulan Vokasional dan Teknologi. Mata pelajaran ini merupakan peluasan dan lanjutan kepada aspek menyimpan rekod yang dipelajari dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di peringkat menengah rendah. Prinsip Perakaunan diajar supaya pelajar dapat memperolehi pengetahuan dan kemahiran asas perakaunan melalui proses pembelajaran yang menitik beratkan aspek pemahaman rasional sesuatu perkara itu dilakukan.

1.9 RUMUSAN

Di dalam bab ini pengkaji telah menjelaskan latar belakang pendidikan perakaunan di Malaysia, kepentingannya dan hubungannya dengan matlamat di dalam Falsafah Pendidikan Negara. Seterusnya, beberapa isu yang wujud di dalam pendidikan perakaunan dikemukakan bagi menyokong permasalahan kajian ini. Tumpuan diberi kepada penggunaan strategi pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan keberkesanan peranan mata pelajaran prinsip perakaunan dari aspek pencapaian dan kompetensi pelajar. Akhir sekali pengkaji mengemukakan pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian dan definisi operasional yang digunakan di dalam kajian ini.

